

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 SEPTEMBER 2016

# 'Diplomasi ping-pong' Dr. Mahathir-Anwar

um- 11/9/2016

**KUALA LUMPUR 10 Sept.** - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjumpa Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Isnin lalu disifatkan sebagai 'diplomasi ping-pong'.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, Dr. Mahathir terpaksa berbuat demikian kerana pakatan pembangkang memberi sambutan dingin terhadap Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Menurut beliau, kunjungan hormat Dr. Mahathir terhadap Anwar serta perbuatan mereka berjabat tangan dirancang untuk mengeratkan hubungan PPPM dan pakatan pembangkang.

"Walau bagaimanapun, pertemuan Dr. Mahathir dan Anwar itu tidak mempunyai kesan yang sama seperti 'diplomasi ping-pong' antara China dan Amerika Syarikat (AS) pada 1970-an.

"Seperti yang didedahkan oleh Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, pertemuan itu telah diaturkan namun isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan anaknya, Nurul Izzah tidak hadir," katanya melalui portal *Malaysia Today*



MAHATHIR MOHAMAD



ANWAR IBRAHIM



RAJA PETRA  
KAMARUDIN

(<http://www.malaysia-today.net>) semalam.

Pada Isnin lalu, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berikutan bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh tersebut membuat permohonan injunksi sementara terhadap pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Dr. Mahathir menafikan pertemuannya dengan Anwar itu tanda berdamai selepas 18 tahun beliau memecat bekas timbalannya itu.

Raja Petra memberitahu, DAP juga tidak merestui pertemuan tersebut dan ia dibuktikan apabila pemimpin-pemimpin parti itu khususnya Penasihat DAP, Lim

Kit Siang dan Setiausaha Agungnya, Lim Guan Eng tidak hadir di mahkamah.

Beliau menambah, kepemimpinan PKR dan DAP bimbang pergolakan akan berlaku dalam kedua-dua parti itu sekiranya mereka terus bekerjasama dengan PPBM.

"Hanya Kit Siang dan Guan Eng yang teruja tentang PPBM sedangkan pemimpin serta ahli DAP yang lain tidak berkongsi perasaan yang sama," jelasnya.

Raja Petra berkata, Wan Azizah dan Nurul Izzah juga tidak menyokong tindakan Mohamed Azmin kerana mereka tahu Dr. Mahathir mahu Menteri Besar Selangor itu menguasai PKR.